



---

## SIARAN MEDIA

---

### **PROGRAM BANTUAN PENDIDIKAN YPM BERI MANFAAT LEBIH TIGA RIBU PELAJAR**

KUALA TAHAN, 8 Januari- Yayasan Pelajaran MARA (YPM) menerima peruntukan daripada Bahagian Kemajuan Tanah & Wilayah (BKTW), Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) sebanyak RM573,500 untuk Program Bantuan Pendidikan YPM dalam tempoh tiga tahun.

Program pendidikan berkonsepkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini melibatkan enam daerah di Negeri Pahang iaitu Bera, Jerantut, Maran, Pekan, Rompin dan Temerloh yang merupakan kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW), Bubar.

Program yang bermula sejak tahun 2021 ini telah memanfaatkan seramai 3,140 pelajar dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat.

Sasaran program adalah kepada pelajar Melayu dan Bumiputera asnaf serta golongan B40 di kawasan LKW Bubar dengan bantuan akses pendidikan bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar.

Bantuan yang disalurkan termasuk berbentuk kewangan, peralatan persekolahan, peranti elektronik dan program pendidikan kepada pelajar luar bandar bagi meneruskan sesi persekolahan dan mengelakkan berlakunya keciciran semasa mengikuti pembelajaran.

Ketua Setiausaha KKDW Dato' Sri Ramlan Dato' Harun berkata KKDW melalui agensi di bawahnya memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya terhadap pelajar kurang berkemampuan.

“Peranan agensi dan jabatan di bawah kementerian seperti MARA dan YPM akan terus dilibatkan untuk meningkatkan lagi akses pendidikan kepada masyarakat secara berterusan di samping mewujudkan jalinan kerjasama strategik antara pelbagai agensi kerajaan dalam memastikan kelangsungan pendidikan pelajar dalam usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar”

Dato’ Sri Ramlan berkata demikian selepas merasmikan Program Bantuan Pendidikan YPM di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) Bubar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuala Tahan, hari ini.

Untuk rekod pada tahun 2023, pelaksanaan Program Bantuan Pendidikan YPM di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) Bubar ini telah memanfaatkan seramai 1,030 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM218,500.

Pada tahun 2022 pula peruntukan diterima berjumlah RM250,000 dengan 1,120 penerima manfaat manakala RM105,000 diperuntukkan pada tahun 2021 yang memanfaatkan 990 pelajar.

-----**TAMAT**-----

Disediakan Oleh  
Seksyen Komunikasi Korporat & Multimedia,  
Yayasan Pelajaran MARA  
8hb Januari 2024